

# Pelbagai perguruan punca kelemahan

16 OCT 1987

B. Harian (M)

PEMBABITAN pesilat daripada pelbagai perguruan menjadi punca utama kelemahan dalam menyelaraskan kaedah kejurulatihan dalam menyediakan pesilat yang baik untuk setiap kejohanan peringkat antarabangsa.

Corak dan gaya persilatan yang berbeza di antara pesilat itu memeningkan jurulatih kebangsaan untuk menerapkan konsep silat olahraga dan kelemahan itu bukan berpunca daripada kaedah kejurulatihan.

Naib pengerusi Pesaka, Anuar Abdul Wahab, berkata bukan mudah menyatukan corak persilatan daripada pelbagai perguruan yang masing-masing mengakui antara yang terbaik.

Katanya, sebagai jurulatih ia terpaksa mengambil jalan tengah memilih corak terbaik di antara mereka untuk diketengahkan dalam silat olahraga.

Anuar yang juga jurulatih kebangsaan ke Sukan SEA lalu menganggap kelembapan pesilat menerima kaedah, teknik dan taktik turut menjadi punca kelemahan itu.

"Kelemahan itu sekali gus diletakkan dibahu jurulatih yang dianggap gagal memberi latihan sempurna sedangkan mereka tidak sedar bagaimana sukarnya melatih mereka," jelasnya.

Beliau menganggap latihan silat olahraga bukan semudah me-



■ BARY PRIMA

latih sukan lain kerana terlalu banyak perguruan yang berbeza dan untuk meyakinkan mereka dalam satu-satu kaedah baru perlu mengambil masa.

Menurutnya, ada juga pesilat mengeluh kerana menganggap



■ W D MOKHTAR

cara baru itu lemah dan cara mereka lebih baik.

Anuar berkata, untuk kejohanan dunia nanti, jurulatih negara tidak menghadapi masalah kerana kebanyakan pesilat sudah menguasai teknik silat olahraga.

## SURAT RASMI/ Minta bantuan MSN

16 OCT 1987

# Pengesahan Pesaka

B. Harian (M)

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) meminta bantuan Majlis Sukan Negara (MSN) membiayai latihan pusat dan menyediakan kelengkapan peralatan bagi Kejuaraan Silat Dunia Ke-4 pada 2-9 Disember ini.

"Surat permohonan rasmi itu akan dikemukakan kepada Pengerusi MSN, Datuk Seri Najib Tun Haji Abdul Razak secepat mungkin," kata Setiausahanya, A Rahman Hassan.

Minggu lalu, Datuk Seri Najib memberitahu belum menerima sebarang permohonan rasmi Pesaka untuk mendapatkan bantuan MSN.

Beliau mengakui kelewatan mendapatkan bantuan MSN itu tetapi percaya majlis itu dapat meluluskannya secepat mungkin.

Katanya, permohonan itu akan diserahkan kepada Datuk Seri Najib dalam minggu ini.

A Rahman bagaimanapun tidak menjelaskan jumlah peruntukan yang diminta daripada MSN itu kerana belum membuat anggaran perbelanjaannya.

Sebelum ini, Pesaka memerlukan \$25,000 untuk perbelanjaan latihan pusat bagi menyediakan tiga pasukan bagi kejohanan itu.

Katanya, kelengkapan peralatan itu juga akan digunakan untuk kejohanan kebangsaan tahun depan dan persediaan Sukan SEA Kuala Lumpur pada tahun 1989.